

24 JUL 1996

Mahathir-Reaksi

KETOKOHAN DR MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN DIAKUI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Kalangan pemimpin politik termasuk pembangkang hari ini mengakui ketokohan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara dan kejayaannya membawa pembaharuan serta kemajuan kepada Malaysia.

Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah berkata Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang banyak berjasa dan membawa pembaharuan kepada negara.

"Sebagai Perdana Menteri beliau adalah seorang pemimpin yang telah mengemukakan banyak idea-idea yang tidak terfikir oleh kita... dan banyak (idea berkenaan) sudah menjadi kenyataan," katanya selepas menghadiri Majlis Jamuan Makan Perdana anjuran anggota Jemaah Menteri di Renaissance Kuala Lumpur, sebuah hotel baru di sini, hari ini.

Seramai 600 jemputan termasuk Menteri Besar dan Ketua Menteri, anggota Parlimen, tokoh-tokoh politik veteran, pemimpin parti politik termasuk dari pembangkang, tokoh korporat dan pegawai-pegawai kanan kerajaan hadir di majlis itu.

Tengku Razaleigh berkata Malaysia telah mengalami banyak perubahan sejak pentadbiran kerajaan diterajui oleh Dr Mahathir.

"Saya rasa dia adalah seorang yang unik," katanya.

Tengku Razaleigh yang juga bekas Menteri Kewangan berkata sebagai pembangkang adalah wajar untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan "di mana yang patut" terhadap usaha-usaha Dr Mahathir.

Mursyidul Am Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Datuk Nik Aziz Nik Mat berkata kehadiran pada majlis meraikan Dr Mahathir yang genap memegang jawatan Perdana Menteri selama 15 tahun bererti bahawa beliau gembira dengan pentadbirannya.

"Jemputan pembangkang ke sini memberi erti cukup besar bermula daripada perhimpunan anti-nuklear dulu... Ini boleh redakan suasana antara kerajaan

dan pembangkang," katanya.

Nik Aziz berharap usaha menghimpunkan pemimpin parti politik kerajaan dan pembangkang serta mengetepikan perbezaan pendapat itu dapat diteruskan kerana ia boleh menimbulkan suasana toleransi dan harmoni sesama sendiri.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang berkata Dr Mahathir telah berjaya memainkan peranannya sebagai Perdana Menteri.

"Semuanya telah memainkan peranan mereka, kerajaan telah memainkan peranannya, Perdana Menteri memainkan peranannya dan pembangkang juga memainkan peranan mereka... semuanya untuk kebaikan negara," katanya.

Bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai menyifatkan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang mempunyai visi dan kepakaran untuk menyelesaikan sebarang kontroversi, masalah dan pertelingkahan.

Dalam tempoh 15 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai harganya kepada Malaysia terutama cetusan Wawasan 2020 yang bermatlamat menjadikan negara ini sebuah negara maju, kata bekas Menteri Kesihatan itu.

"Beliau seorang tokoh yang mempunyai banyak idea dan pemikiran. Ia merupakan satu kejayaan kepadanya," tambahnya.-- BERNAMA

HS OBA